

NO. SOALAN: 13

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2016 (SELASA)

SOALAN :

YB DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai pihak Kementerian melalui Skim Latihan 1Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dalam membantu para graduan mencari pekerjaan dan membantu dalam pengurangan kadar pengangguran di negara kita.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) yang dilaksanakan Kerajaan ini bermatlamat untuk membantu graduan yang sukar mendapat pekerjaan selepas mereka tamat pengajian. Objektif pelaksanaan program ini untuk membantu graduan yang tidak bekerja dengan meningkatkan tahap kebolehpasaran (*employability*) dan keupayaan graduan mendapatkan pekerjaan yang baik dalam pasaran tenaga kerja berkemahiran dan berkualiti seterusnya meningkatkan taraf hidup keluarga mereka.

Program SL1M ini dijayakan melalui kerjasama dan komitmen daripada Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) dan syarikat swasta seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak yang dilaksanakan secara Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Sehingga kini, 230 syarikat GLCs dan swasta mengambil bahagian dan melaksanakan program SL1M bagi membuka lebih banyak peluang latihan dan pekerjaan untuk ditawarkan kepada graduan.

Sejak ditubuhkan sehingga 30 September 2016, daripada 37,954 graduan yang menyertai program SL1M, seramai 27,454 (72.3%) graduan berjaya mendapat pekerjaan. Manakala 10,500 (27.7%) graduan masih lagi mengikuti program SL1M di syarikat yang terlibat.

Selain itu, SL1M juga turut menganjurkan Program Outreach SL1M atau *Search and Assist Program*. Program ini bertujuan untuk membimbing graduan dan meningkatkan *softskill* graduan. Sehingga 30 September 2016 seramai 56,949 graduan telah menyertai program ini.

Antara langkah-langkah dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional bagi memperluaskan peluang graduan mendapatkan pekerjaan, termasuklah:

- program SL1M yang saya nyatakan tadi dan Skim Pengurusan Kebolehpasaran Graduan (GEMS) di bawah Talent Corp. Kedua-dua skim ini telah memberi manfaat kepada lebih 10,000 graduan pada 2015 dan akan ditingkatkan kepada 15,000 graduan pada 2016.
- Program Peneraju Skil Mahir dan Program Peneraju Profesional oleh Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera;

- Memperluas dan mempertingkatkan lagi penggunaan Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) untuk melaksanakan program latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja terutama bagi yang diberhentikan oleh majikan yang berdaftar;
- Program intervensi kebolehpasaran graduan (*Graduate Employability - GE*) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi; dan
- Portal Jobs Malaysia, sebuah sistem “penjodohan pekerjaan” automatik atas talian yang disediakan oleh Kementerian Sumber Manusia bagi membantu rakyat mendapatkan pekerjaan.

Sekian, terima kasih.